

11/02/1998

MSC perlu 35,000 pekerja

KUALA LUMPUR, Selasa - Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) memerlukan sekurang-kurangnya 35,000 tenaga kerja intelek dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata Perdana Menteri, penubuhan institusi berkaitan termasuk Universiti Multimedia, sangat penting bagi memastikan proses melahirkan tenaga kerja intelek dilakukan dengan segera untuk disalurkan ke MSC.

Selain tenaga kerja intelek, penubuhan Universiti Multimedia sangat penting bagi memastikan negara berupaya mencipta perkakasan dan perisian sendiri sekali gus meletakkan rakyatnya di barisan depan dalam penguasaan serta industri berasaskan teknologi maklumat.

"MSC sendiri memerlukan 7,000 tenaga kerja intelek setahun untuk beberapa tahun dan kita jangka jumlahnya sehingga 35,000 orang. Oleh itu, kita kena lahirkan tenaga kerja itu secepat mungkin.

"Untuk fasa awal, Universiti Multimedia boleh menampung 5,000 pelajar pada satu masa dan maksimum 10,000 apabila siap sepenuhnya," katanya selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian antara Telekom Malaysia dengan Konsortium MEPS Joint Venture di sini, hari ini.

Konsortium MEPS dianggotai empat syarikat iaitu MKN Holdings Sdn Bhd, Eastbourne Corporation Sdn Bhd, Projass Engineering Bhd (Projass) dan Shorefield Holdings.

Pada majlis itu, Konsortium MEPS diwakili pengerusinya, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar, manakala Telekom Malaysia oleh Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali.

Fasa pertama universiti itu dijangka siap akhir Ogos ini manakala fasa kedua Februari tahun depan. Projek itu membabitkan kos RM350 juta, manakala RM250 juta lagi diperlukan untuk menyediakan kelengkapannya.

Dr Mahathir berkata, Universiti Multimedia adalah institusi pengajian tinggi yang diharap memberikan kesan dan faedah maksimum kepada negara dalam penguasaan serta pembangunan industri teknologi maklumat.

Pendidikan di universiti berkenaan adalah bertaraf antarabangsa dan lulusannya boleh menyambung pengajian lepasan ijazah di luar negara.

"Multimedia adalah subjek baru yang membabitkan pembangunan teknologi dan penggabungan pelbagai teknologi. Semua orang boleh mempelajari teknologi itu. Kalau dulu kita ada telekom, penyiaran dan komputer, kini semua unsur itu sudah digabungkan.

"Jadi kita nak tahu bagaimana nak gunakan multi-media. Jadi kita harap universiti itu boleh memberikan kita faedah maksimum. Ia memerlukan satu pengetahuan, latihan dan kelayakan khusus," katanya.

(END)